

Siapa Brutus menjadi topik perbincangan

"*Qui est Brute* (Siapa Brutus)?" Pertanyaan itu menjadi tajuk utama perbincangan apabila Presiden UMNO, Dr. Mahathir Mohamad menyentuh soal Brutus di dalam ucapan dasarnya pada Perhimpunan Agung UMNO 1994 yang berlangsung dari 18 hingga 20 November lalu. Ia terus menjadi topik perdebatan, meskipun Perdana Menteri sudah menjelaskan persoalan "siapa Brutus" di dalam ucapan penggulungannya pada 20 November. Banyak interpretasi yang boleh dibuat.

Marcus Junius Brutus (78-42 SM) ialah anak angkat Gaius Julius Caesar (100-42 SM). Brutus ialah seorang askar Rom yang memihak kepada Pompey ketika menentang Caesar di dalam perang saudara. Bagaimanapun Brutus diampun oleh Caesar dan kemudian dinaikkan ke pangkat yang tinggi oleh Caesar. Namun Brutus berkomplot (dengan Cassius dan ahli-ahli komplot lain) membunuh Caesar kerana 'kemurnian' Republik Rom: "*It is not that I love Caesar less, but that I love Rome more*" — Caesar mahu menjadi maharaja Rom.

Apabila Brutus menikam Caesar, bapa angkatnya memandang mata Brutus dan berkata, "*Et tu Brute* (Engkau pun Brutus)." Lalu Caesar jatuh dan mati pada *Ides of March 44*. Namun Brutus akhirnya membunuh diri (bersama Cassius) setelah dikalahkan oleh Antony di Philippi pada 42 SM.

Menurut Dr. Mahathir, beliau menceritakan hal Brutus kerana tidak mahu orang politik melakukan sesuatu yang jahat dengan memberi alasan yang *noble*. "Kalau kita hendak buat baik, kita buat baik. Kalau kita hendak buat jahat, kita jangan memberi alasan yang *noble* (suci)... saya tujukan ini kepada setiap ahli UMNO." Menurut Perdana Menteri, orang politik kerap memberi alasan *noble* apabila melakukan kesalahan.

"Ada orang kata, Brutus yang dimaksudkan ialah timbalan saya. Ada yang kata, Pemangku Ketua Pemuda... dan ada pula yang kata, saya Brutus. Saya ingin jelaskan (bahawa) dalam setiap orang daripada kita ada Brutus. Semua ada Brutus di dalam hatinya iaitu keinginan membuat sesuatu yang tidak baik dan memberi alasan yang *noble*. Manusia dibahagi kepada dua, satu dikawal oleh nafsu, satu lagi oleh akal... Brutus ialah nafsu. Itu ada pada kita semua."

Namun di sebalik penerangan Dr. Mahathir "siapa Brutus" itu, terdapat beberapa interpretasi lain yang tidak kurang menarik. Beberapa nama dan 'pihak' diutarakan dengan alasan-alasan yang tersendiri. Semuanya nampak logik dan sukar ditolak. Seperti kata seorang ahli Majlis Tertinggi, "segalanya terpulang kepada pembacaan masing-masing."

Tikaman maut

Menurut ahli MT UMNO itu, cerita Brutus itu perlu dilihat dalam konteks orang Melayu. Dulu kalau hendak membunuh, orang Melayu menggunakan keris. Seperti juga pisau (yang membunuh Caesar), keris ditikam dari jarak dekat. "Oleh itu, dalam konteks orang Melayu, orang yang dekat (rapat) yang dapat membuat tikaman maut." Tikaman serangan biasanya boleh ditepis, tetapi tikaman curi sering membawa maut.

Bagaimanapun interpretasi ini ditepis oleh seorang lagi ahli MT. Beliau berpendapat, orang Melayu dulu mempunyai ilmu persilatan yang tinggi termasuk ilmu hitam. "Apa perlu kita hampiri orang yang hendak dibunuh, dari jauh pun dia boleh dibunuh." Menggunakan ilmu santau, 'Brutus' boleh membunuh 'Caesar'. Menggunakan ilmu (teknologi) hari ini, bersembunyi atau berselindung, matlamat itu boleh juga tercapai.

Melihat pada teknologi hari ini, seorang ahli MT yang lain, berpendapat, Brutus ialah akhbar (dan wartawan). Akhbar (dan wartawan) boleh menaikkan atau membunuh kerjaya ahli politik. Bagi menguatkan pendapatnya, beliau memetik kata-kata Dr. Mahathir: "Akhbar yang biasanya mengecam surat layang telah menerimanya sebagai punca yang boleh dipercayai. Daripada berita angin, akhbar menjadikannya kebenaran, *legitimate*, asas untuk mencungkil, mengecam dan menghukum." Menurut ahli MT itu, akhbar (dan wartawan) yang dulu menyokong seseorang boleh bertindak sebaliknya.

Namun seorang pemerhati politik berpendapat, Brutus hanyalah alat oleh pihak lain yang mahukan Caesar dibunuh. Brutus digunakan kerana beliau orang kepercayaan Caesar. "Persoalannya lebih daripada siapa Brutus, tetapi siapa yang untung setelah Caesar dibunuh. Di dalam senario ini, Brutus hanya alat untuk mendapat kedudukan atau kekuasaan."

Tetapi bagi seorang tokoh veteran UMNO, Brutus ialah orang muda yang sentiasa tidak sabar-sabar untuk memegang jawatan tinggi. "Kerana inginkan kedudukan dan kekuasaan, orang muda ini sanggup melakukan apa sahaja tetapi berselindung di sebalik alasan *noble*." Nasihat Dr. Mahathir, "... kita mesti balas budi dengan balasan yang baik. Bukan sudah naik, kita hendak menjatuhkan orang".

Tetapi di dalam politik, 'Caesar' hari ini mungkin 'Brutus' semalam. 'Brutus' hari ini mungkin menjadi 'Caesar' hari esok. Dan pastinya masa itu, ada 'Brutus' hari esok yang mahu menjadi 'Caesar' masa depan. Namun, Marcus Brutus gagal menggantikan Julius Caesar sebagai pemimpin.

Inilah pentas dunia... banyak 'Caesar' dan 'Brutus'.

■ **Gamal Nasir Mohd. Ali ialah Ketua Meja Rencana Utusan.**